

HASiL/2026/03/12 - 20

HASiL PERKUKUH NILAI KEMASYARAKATAN MENERUSI
PROGRAM MAHABBAH RAMADAN 2026

CYBERJAYA, 12 MAC 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) terus memperkukuh nilai kebersamaan dan keprihatinan dalam masyarakat melalui penganjuran Majlis Penyampaian Sumbangan dan Iftar HASiL 2026 menerusi **Program Mahabbah Ramadan HASiL 2026**.

Sebagai manifestasi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, program tahunan ini diraikan melalui satu majlis khas bersama wakil daripada lapan (8) buah rumah kebajikan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Masjid Raja Haji Fi Sabilillah, Cyberjaya.

YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi Lembaga hadir bagi menyempurnakan sesi penyampaian sumbangan kepada rumah kebajikan anak-anak yatim, asnaf dan tahfiz di sekitar Lembah Klang, Selangor dan Negeri Sembilan. Antara rumah kebajikan yang menerima sumbangan ialah:

1. Pusat Jagaan Mesra Assalam
2. Pusat Jagaan Pertubuhan Anak Yatim Al-Khair
3. Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Islam Peribadi Mulia

4. Pusat Jagaan Pertubuhan Anak Yatim Darul Aminan
5. Pusat Jagaan Kasih Murni
6. Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan dan Perlindungan Nur Qaseh
7. Pusat Jagaan Pertubuhan Kebajikan Asnaf Al Barakh Malaysia
8. Bait Al-Hasanah Lembaga Zakat Selangor (MAIS)

Hadir sama meraikan majlis ialah YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Anggota Lembaga, Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, pengurusan kanan, tetamu jemputan serta warga kerja HASiL. Majlis ini turut diserikan dengan sesi pemberian duit raya kepada semua anak-anak yatim, asnaf dan tahfiz yang hadir.

Dalam ucapannya, Datuk Johan menzahirkan penghargaan kepada HASiL atas komitmen menganjurkan program yang bukan sahaja mengeratkan hubungan dengan masyarakat, malah memperkukuh nilai kemanusiaan dan kesyukuran dalam bulan Ramadan. Tambah beliau lagi, inisiatif seperti ini mencerminkan bahawa pengurusan hasil negara bukan sekadar berkaitan angka dan sistem percukaian, tetapi juga berkait rapat dengan amanah untuk memastikan kesejahteraan rakyat terus dipelihara.

Program Mahabbah Ramadan ini turut diadakan bersempena sambutan ulang tahun ke-30 penubuhan HASiL, yang menandakan tiga dekad peranan institusi percukaian negara dalam menyokong pembangunan dan kemakmuran Malaysia.

Diharapkan penganjuran majlis ini dapat terus menyemarakkan penghayatan Ramadan dengan penuh empati dan keinsafan. Semoga bulan yang penuh keberkatan ini menjadi inspirasi untuk memperbaiki diri, menyucikan hati serta memperkukuh nilai integriti dan kebaikan dalam kehidupan seharian.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 12 Mac 2026

LAMPIRAN



YBhg. Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan merangkap Pengerusi Lembaga menyampaikan ucapan sempena Majlis Penyampaian Sumbangan dan Iftar HASiL 2026 menerusi Program Mahabbah Ramadan HASiL 2026.



KSP diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq Jamaluddin, KPE HASiL bergambar bersama wakil penerima sumbangan Ramadan daripada rumah kebajikan.



KSP diiringi oleh KPE HASiL meluangkan masa beramah mesra dan menyampaikan sumbangan duit raya kepada anak-anak yatim, asnaf dan tahfiz.